



OLEH: MUSTAPA LAKAWA, NORHAYATI YAHAYA, MUHAMMAD IKHWAN IDERIS, RASDAN AHMAD, NOOR SYAHIDATOO AQMA MOHD. NOOR, SYED AZLAN SAYID HIZAR, AHMAD MUSTAKIM ZULKIFLI, AFIQ AL-HAFIZ MAT YUSOF, AIDIL AZUDDIN YUSOF, NURUL KHAIRIAH MOHAMED YUSOF DAN MUHD. IRFAN AZMI
FOTO: JEFFRI IRAN, AZLAN HADI, NASIRRUDDIN YAZID DAN ROY AZIS ABD. AZIZ

21 pelajar, 2 guru pusat tahfiz di Kuala Lumpur rentung dalam kebakaran

Mati bertindih waktu Subuh

Kosmo
15/9/17
mls 2

KUALA LUMPUR — Laungan azan Subuh dari Surau Madrasatul Ittifaqiyah semalam bagaikan mengiringi jeritan sayu penghuni pusat tahfiz Darul-Quran Ittifaqiyah yang terbakar sehingga meragut 23 nyawa semalam.

Dalam kebakaran yang bermula pada pukul 5 pagi itu, seramai 21 pelajar dan dua guru maut dalam kebakaran di pusat tahfiz yang terletak bersebelahan surau berkenaan di Jalan Keramat Ujung di sini.

Kebakaran itu memusnahkan keseluruhan tingkat tiga bangunan tiga tingkat itu.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Amar Singh Ishar Singh berkata, mayat ditemui di dua kawasan berasingan di tingkat yang menempatkan 36 penghuni.

“Siasatan mendapati keadaan 23 mayat rentung dan bertindih antara satu sama lain akibat kebakaran itu,” katanya.

Amar Singh juga berkata, pusat tahfiz tersebut hanya mempunyai satu pintu keluar masuk menyebabkan sebahagian penghuni terperangkap serta gagal menyelamatkan diri.

Menurut beliau, seramai 14 pelajar dan empat guru lain yang menghidup di pusat berkenaan terselamat dalam kejadian itu.



SEBAHAGIAN daripada pelajar dan guru Darul-Quran Ittifaqiyah yang terlibat dalam kebakaran semalam.

Kesemua pelajar lelaki itu berumur antara 14 hingga 17 tahun.

Katanya, daripada 13 yang diselamatkan, enam mengalami kecederaan kritikal dan dihantar ke Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Semua mayat dihantar ke Institut Perubatan Forensik Negara di HKL untuk tujuan pengecaman oleh anggota keluarga dan bedah siasat.

Pusat pengajian itu mempunyai 36 pelajar dan enam guru yang menghidup di pusat tahfiz berkenaan.

Sementara itu, siasatan Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala

Lumpur mendapati kebakaran di pusat tahfiz itu bukan berpunca daripada litar pintas.

Pengarahnya, Khirudin Drahan berkata, hasil siasatan Unit Forensik dan Suruhanjaya Tenaga mengesahkan keadaan litar elektrik pada suis utama bangunan pusat tahfiz itu adalah dalam keadaan baik.

“Kita dapati cara api merebak agak pelik dan luar daripada kebiasaan dengan kadar api merebak adalah sangat cepat dan besar.

“Biasanya, jika disebabkan litar pintas, kotak fius utama akan ‘ten-



SEORANG anggota keluarga mangsa tidak dapat menahan kesedihan akibat tragedi kebakaran pusat tahfiz berkenaan.

itu bermula dari luar bahagian pintu asrama itu yang menyebabkan mereka terperangkap.

“Tambahan pula ada dua tong gas di situ yang mungkin menjadi punca api lagi besar dan cepat merebak,” katanya.

Tragedi waktu Subuh itu telah mengejut ramai rakyat Malaysia apabila klip video kebakaran itu menjadi viral di internet.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak turut menzahirkan rasa sedih atas tragedi tersebut menerusi catatan di laman Twitter beliau.

INFO

Mangsa kebakaran pusat tahfiz Darul-Quran Ittifaqiyah

Pelajar maut


1. Amiel Ashraf Abdul Rashid, 11
2. Syafiq Haikal Mohd. Sulaiman, 13
3. Hafiz Iskandar Mohd. Sulaiman, 11
4. Mohd. Harris Ikhwani Mohd. Sulaiman, 10
5. Azkar Abiedi F. Zaska, 11
6. Azkar Darimi Bin F. Zaska, 8
7. Mohd. Aidi Ahmad Zamzuri, 10
8. Mohd. Nizamuddin Nasrun, 13
9. Muhammad Zattulah Roslan, 11
10. Muhammad Daniel Md. Amin, 14
11. Ahmad Rijal Mohammad Rodzi, 13
12. Muhammad Hasrullah Ismaik, 14
13. Muhammad Haikal Abdullah, 12
14. Muhammad Fahmie Abdullah, 11
15. Muhammad Afiq Haqimie Hairulizwan, 11
16. Muhammad Aiman Ramzanudin, 12
17. Nik Muhammad Ridzuan Nik Azlan
18. Umar Al Khatab Helmi, 6
19. Muhammad Taufik Hidayat Norazizan, 16
20. Ahmad Harith Adam



KEADAAN pusat tahfiz Darul-Quran Ittifaqiyah di Jalan Keramat Ujung, Kuala Lumpur selepas api dipadamkan semalam.

dang' dan ambil masa sekurang-kurangnya setengah jam untuk api marak dan merebak.
 "Berdasarkan maklumat mangsa yang selamat (saksi), kebakaran

Najib masih berada di luar negara selepas melakukan lawatan kerja di Amerika Syarikat dan mengadakan pertemuan dengan Presiden Donald Trump.



- Ahmad Harith Adam Mohd. Nor Hadi, 12
- Muhammad Hazim Ahmad Nor, 13

Guru maut

- Mohd. Amirul Nizam Sukarno, 25
- Mohd. Yusuf Md, 26

Mangsa cedera

- Indra Kurniawan, 18, (warga Indonesia)
- Muhd. Shahir Sharifuddin, 13
- Zunnun Misri, 12
- Adib Baqir, 15
- Muhammad Syahmin Che Azmi, 18
- Wan Muhammad Danish Hisham Wan Nor Hisham, 14
- Sufian Emmad, 20 (tukang masak)